

## KENYATAAN MEDIA

### **POTONGAN GAJI KAKITANGAN UniMAP ALTERNATIF LAKSANAKAN IBADAH KORBAN**

KANGAR, 15 Ogos – Sebagai satu alternatif kepada kakitangan dapat melaksanakan ibadah korban sempena Hari Raya Aidiladha, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) memberi peluang warga kerja universiti itu melakukannya dengan potongan gaji.

Pelaksanaan buat julung kali itu membabitkan 36 kakitangan pelbagai peringkat jawatan sekaligus sebagai satu pilihan terbaik kepada kakitangan universiti itu terutamanya yang kurang berkemampuan.

Naib Canselor UniMAP Prof Ir Dr R Badlishah Ahmad berkata potongan gaji kepada kakitangan bagi menyertai ibadah yang menjadi tuntutan dalam Islam itu bermula sejak September tahun lalu.

Katanya, bagi tahun ini sebanyak 10 ekor lembu dan 16 ekor kambing dikorbankan termasuk lima ekor lembu dan enam ekor kambing daripadanya adalah hasil dari potongan gaji kakitangan terlibat.

“Justeru, saya menyarankan agar pada tahun akan datang, kakitangan UniMAP dapat mengambil peluang ini kerana potongan gaji itu tidak membebankan iaitu dianggarkan sekitar RM65 hingga RM75 selama 10 bulan,” katanya ketika berucap merasmikan Program Ibadah Korban dan Aqiqah peringkat UniMAP di Kampus UniMAP Kubang Gajah, baru-baru ini.

Turut hadir Pengurus Yayasan UniMAP Datuk Prof Emeritus Dr Kamarudin Hussin dan Pengarah Pusat Islam UniMAP Prof Madya Dr Shuhairimi Abdullah.

Dalam program itu anjuran Pusat Islam itu, kira-kira 200 kakitangan UniMAP turut serta bergotong royong melapah daging dan memasak.

Tambah R Badlishah, sempena program itu UniMAP turut berbesar hati berkongsi rezeki dengan golongan kurang bernasib baik termasuk fakir dan anak yatim.

“Jamuan kenduri juga diadakan dan daging korban diagihkan kepada empat Maahad Tahfiz iaitu Maahad Tahfiz Al-Barqiy Arau, Maahad Tahfiz Ar Raudhah Simpang Empat, Maahad Tahfiz Al-Hikmah Padang Siding, Maahad Tahfiz Imam Nawawi serta sebuah Rumah Kanak-kanak Arau membabitkan 400 pelajar/penghuni,” kata beliau.

Dikeluarkan Oleh :

**Aininulniza Mohd Yusof**

**Unit Komunikasi Korporat**